KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	4/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	JPNP & TNB			



PEMANDANGAN dari udara di Empangan Sungai Dua, Gemencheh yang mencatatkan paras air status amaran apabila berada pada tahap 38.57mm setakat 12.45 tengah hari semalam.

SIREN AMARAN BANJIR

Bukan bidang kuasa Jabatan Perhutanan

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Tampin

Amaran awal banjir bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, malah sistem amaran siren banjir terletak di Taman Pinggiran Felda Sungai Kelemah, Gemas di sini, juga bukan di bawah seliaan jabatan itu.

Pengarahnya, Saleh Awaluddin berkata, kekeliruan timbul ekoran bil elektrik siren berkenaan dibayar jabatan itu sebelum ini namun ia sudah tidak berfungsi dan pihaknya memutuskan untuk membuat pemotongan bekalan elektrik.

"Kami membuat permohonan menutup akaun elektrik siren amaran itu selepas mendapati ia bukan di bawah tanggungjawab jabatan selain keadaannya yang sudah rosak.

"Malah, siren itu berada di kawasan perumahan yang jelas di luar hutan simpan. Jika ia di bawah Jabatan Perhutanan sekalipun, saya perlu kena semak kenapa ia dipasang di lokasi berkenaan (kawasan perumahan).

"Setahu saya isu banjir bukan di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan melainkan jika kejadian banjir dan kepala air yang berlaku di kawasan hutan lipur atau hutan simpan," katanya semalam.

> "Siren itu berada di kawasan perumahan yang jelas di luar hutan simpan"
> Saleh

Saleh berkata, Jabatan Perhutanan hanya membantu memberi pandangan kepada pihak terbabit ketika sistem siren amaran itu mahu dipasang di mana-mana lokasi di bawah tanggungjawab jabatannya.

Jelas beliau, hanya terdapat dua sistem amaran siren banjir di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan iaitu di Hutan Lipur Gua Batu Maloi di Tampin dan Hutan Lipur Ulu Bendul di Kuala Pilah.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam satu kenyataan sebelum ini memaklumkan semakan mendapati kerja pemotongan bekalan elektrik bagi akaun sistem amaran siren banjir di kawasan Taman Pinggiran Felda Sungai Kelamah itu mengikuti proses lazim.

Menurut kenyataan itu, semakan TNB menunjukkan Pejabat Hutan Negeri membuat permohonan penutupan akaun pada 12 Oktober tahun lalu berikutan siren di kedua-dua kawasan itu tidak berfungsi dan digunakan oleh penduduk di kawasan terbabit.

Media sebelum ini melaporkan penduduk di Taman Pinggiran Felda Sungai Kelamah kecewa apabila siren amaran banjir yang dipasang di taman itu didakwa gagal berfungsi, memaksa mereka berpindah sehelai sepinggang.